

7-Pillars

Baktasiswa Perdana



Pada tanggal 25 hingga 27 Julai 2008 yang lalu, pelajar-pelajar Tahun Satu PPK Bioproses telah mengikuti salah satu daripada Program 7 Pillars iaitu Baktasiswa Perdana yang berlangsung di kampung-kampung sekitar DUN Bintong. Para pelajar telah diserahkan kepada ibu bapa angkat mereka dalam satu majlis ringkas pada 25 Julai 2008. Pada hari Sabtu, 27 Julai 2008, para pensyarah dan pelajar yang terlibat telah mengadakan Program Motivasi bersama Pelajar-pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Kebangsaan Abi. Ketika di sekolah tersebut, para pelajar ini memberi khidmat tuisyen kepada adik-adik angkat bagi subjek Matematik dan Bahasa Inggeris. Melalui program ini para pelajar telah dapat mengutip pengalaman berharga terutama pengalaman bersama dengan keluarga angkat.